

INFO



KAPAL KOREK

- Kapal korek TT5 (Tanjung Tualang 5)
- Mula dibina pada 1929 dan mula beroperasi di Tanjung Tualang pada 1938
- Dibina oleh F.W PAYNE & SONS di England untuk syarikat Southern Malayan Tin Dredging Ltd.
- Bersaiz sederhana dengan berat keseluruhan 5000 tan.
- Mempunyai dawai berduri di bahagian belakang kapal bagi mengelakkan pencuri memasukinya.
- Mempunyai 120 pengorek daripada jenis besi mangan.
- Berukuran 75 meter panjang dan 35 meter lebar.



Di ruang ini, para pekerja TT5 menjamu selera sewaktu rehat.



PENGAYAK yang berperanan mengasingkan bijih timah dengan bendasing seperti batu-batu kecil dan pasir.

'Harta' yang ditinggalkan

MELALUI jalan lama dari Batu Gajah menghala ke Tanjung Tualang, Perak, mata pasti tertumpu kepada sebuah 'bangunan' besar diperbuat daripada besi yang terletak di kiri jalan, kira-kira empat kilometer dari pekan Batu Gajah.

Bagi yang tidak tahu, mungkin ada yang akan menganggap binaan besar itu adalah kilang lama yang ditinggalkan. Apatah lagi kedudukannya terletak di kawasan lombong yang agak berhutan.

Setelah didekati, tentunya ada yang tersenyum lebar kerana binaan besar itu sebenarnya merupakan sebahagian daripada bukti kekayaan hasil bumi negara iaitu bijih timah yang menjadi rebutan dunia suatu ketika dahulu.

'Binaan besar' itu sebenarnya adalah sebuah kapal korek yang kini amat sukar untuk ditemui biarpun suatu ketika dahulu

ratusan jumlahnya pernah gagah mengaut bijih timah di kawasan-kawasan perlombongan.

Menjadi satu-satunya kapal korek yang masih terdapat di kawasan Lembah Kinta, kapal bergelar TT5 (Tanjung Tualang 5) itu sering menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Kapal tersebut dibina pada 1929 oleh syarikat F.W Payne & Sons Ltd. di England dengan berat keseluruhan 5,000 tan.

Kapal korek bersaiz sederhana itu mempunyai 120 pengorek jenis besi mangan. Kos untuk membinanya dianggarkan mencecah sehingga tiga juta dolar Selat dan menggunakan kuasa elektrik sepenuhnya untuk beroperasi.

Sebelum memasuki perut kapal korek berkenaan, pastikan anda terlebih dahulu mengelilinginya kerana terdapat beberapa sudut menarik untuk bergambar terutamanya ketika berada di belakang kapal korek berkenaan

yang dipenuhi dawai berduri serta 'lorong' untuk membuang tahi atau sisa bijih.

Sebaik melangkah ke perut kapal, kesan-kesan karat jelas kelihatan, sekali gus menunjukkan betapa 'gergasi' yang dahulunya gagah memamah apa sahaja di dalam tanah, kini kian berusia.

Sebelum memasuki kilang ditinggalkan, mereka yang biasa bekerja di kilang sudah pasti mampu membayangkan kebisingan daripada jentera di dalam kapal tersebut yang dikatakan mampu didengar dari jarak dua atau tiga kilometer jauhnya.

Sebaik memasuki kapal korek itu, anda perlu bergerak ke bahagian hadapan yang terletak di sebelah kiri. Di situ, pengunjung berpeluang untuk berada betul-betul di bawah tangga pengorek yang mampu diturunkan sehingga kedalaman 35 meter.

Jika ada yang beranggapan kapal korek bergerak sama

'Binaan besar' itu sebenarnya adalah sebuah kapal korek yang kini amat sukar untuk ditemui biarpun suatu ketika dahulu ratusan jumlahnya pernah gagah mengaut bijih timah di kawasan-kawasan perlombongan

seperti kapal biasa dengan menggunakan roda kemudi, di tingkat bawah ini, tanggapan itu akan diperbetulkan. Ini kerana terdapat kawasan di mana terletaknya beberapa tuas yang perlu ditarik bagi memastikan kapal itu bergerak sama ada ke kiri, kanan, depan dan belakang. Selepas itu, teruskanlah

'penjelajahan' dengan menaiki tangga-tangga yang berselirat dan mampu menjadi penghubung ke semua bahagian di dalam kapal berkenaan. Semua laluan dan tangga itu seolah-olah berhubung di antara satu sama lain.

Antara yang menarik untuk dilihat adalah bilik kawalan menempatkan jurutera dan ketua kapal, 'dewan makan', kawasan penapis, dan lohong besar yang berperanan membuang tahi bijih.

Begitu pun, adalah sukar untuk menentukan di tingkat mana tempat-tempat itu berada kerana pengunjung pasti terkeliru berapa tingkat sebenarnya kapal korek itu disebabkan kedudukan dalamannya yang agak bercelaru.

Paling menarik, apabila anda berpeluang berada di kedudukan tertinggi iaitu di atas bumbung kapal korek berkenaan. Mungkin di situ jugalah para pelombong melepas lelah suatu ketika dahulu sambil melihat pemandangan sekitar.

NOSTALGIA

STEVEN Ng berdiri megah berlatarkan kapal korek TT5 yang kini dijadikan muzium di Batu Gajah, Perak.



INILAH pengorek yang memalinkan peranan besar bagi mendapatkan bijih timah.